

22 NOV 1996

Rencana Bernama (dgn gambar)

LEMBAH DANUM BAGAIKAN SYURGA DUNIA

Oleh: KANUL GINDOL

KOTA KINABALU: Terletak kira-kira 80 kilometer ke barat Lahad Datu di pantai timur Sabah, ialah Kawasan Terpelihara Lembah Danum yang ditumbuhi hutan dara seluas 440 kilomter persegi dipercayai berusia tidak kurang dari 10 juta tahun.

Hutan Lembah Danum bukan sekadar hutan biasa - ia dianggap hutan hujan tertinggi di dunia, mengatasi hutan jenis serupa Amazon dan Afrika.

Dr Zainal Adlin, penasihat korporat Yayasan Sabah yang menguruskan kawasan hutan berkenaan, berkata hanya hutan redwood koniferus Amerika Utara lebih tinggi, yang demikian menyebabkan hutan kawasan rendah Danum menyeronokkan dan penuh misteri.

Menyimpan kepelbagaian hayat antara yang terkaya di dunia, Lembah Danum mempesona para saintis dan pencinta alam.

Ia mempunyai lebih 200 spesies pohon setiap 100 meter persegi, 124 spesies mamalia, 275 jenis burung, 72 reptilia, 56 amfibia, 37 ikan dan hidupan yang cukup istimewa kepada Borneo seperti orang utan, badak Sumatra, gajah Asia serta kera probosis.

Kerana itu tidaklah menghairankan kerajaan persekutuan memutuskan untuk mengisytiharkan lembah itu sebagai salah satu dari empat destinasi pelancong eksklusif baru sejurus selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat lembah itu pada 31 Ogos.

Kekayaan lembah itu, yang tidak tersentuh sejak zaman berzaman, telahpun mempesona Raja Carl Gustaf dan Ratu Silvia, Sweden awal tahun ini semasa melawat kawasan itu dua hari.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah juga mengunjungi kawasan tersebut baru-baru ini, sambil bermalam di Borneo Rainforest Lodge (BRL) yang diselimuti suasana damai jauh ke dalam hutan.

"Kebanyakannya kawasan rendah, lembah berkenaan mempunyai hanya sembilan peratus kawasan 760 meter di atas permukaan laut dengan sukatan hujan 2,660mm setahun dan suhu tahunan purata 26.7 selsius," kata Zainal Adlin.

Terdapat sekurang-kurangnya tiga penempatan utama di Lembah Danum: Danum Valley Field Centre (DVFC), BRL terletak pada jarak kira-kira 35km, dan sebuah kawasan semaian terletak antara dua kawasan itu.

DVFC, diwujudkan pada 1986 dan dikendali oleh konsortium beberapa jabatan kerajaan serta institusi pengajian tinggi, merupakan pusat penyelidikan terkemuka antarabangsa bagi kepelbagaian hayat dan kehutanan. Ia menampung sarjana dari universiti tempatan dan luar.

Berikutan kedatangan pengunjung yang terus meningkat dan semakin sukar ditangani kerana tempat penginapan yang terhad di pusat itu, pihak pengurusan Lembah Danum diketuai Yayasan Sabah, membina BRL, menampung khusus pasaran eksklusif. BRL baru-baru ini mendapat Anugerah Aseanta bagi Kecemerlangan 1996 sebagai tarikan pelancongan baru yang terbaik.

Pengurus Kumpulan Bahagian Pelancongan dan Liburan milik Yayasan Sabah yang menyelia pengurusan BRL, Rudy Kinajil, berkata loj itu siap pada Julai 1994 dan sekarang mempunyai 10 bilik tidur berkatil kembar di lima banglo.

Katanya, dengan pembukaan loj itu, DVFC tidak lagi akan menerima pelancong secara rambang, tetapi akan menumpukan kepada fungsi yang ditetapkan iaitu menyediakan kemudahan bagi kerja-kerja penyelidikan antarabangsa serta pendidikan dan latihan tempatan.

"Kami mempunyai kemudahan terbaik di loj dan rancangan sedang disusun

bagi mengembangkannya," kata beliau. Konsep ini, katanya, membolehkan pengunjung menerokai keindahan alam maya dan hidupan liar tanpa mengorbankan keselesaan asas.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, berkata walaupun Sabah ingin mengekalkan kawasan itu sebagai satu tarikan pelancongan khusus untuk pasaran eksklusif, kerajaan pusat berpendapat jumlah bilik yang ada di situ belum mencukupi.

Di Lembah Danum, pengunjung mungkin berpeluang melihat gajah, rusa termasuk rusa sambar dan pelanduk, babi hutan, ular, burung enggang, orang utan dan sebagainya.

Najis gajah yang mudah ditemui pengunjung di sepanjang jalan batu kelikir menuju ke pedalaman hutan di situ jelas menunjukkan bahawa mamalia itu berada tidak jauh dari situ.

"Gajah Asia biasanya menyeberangi jalan atau bermain-main dengan pasir di atas jalan awal pagi atau pada waktu malam," kata seorang pemandu kenderaan Yayasan Sabah.

Pengunjung juga mungkin berpeluang melihat kucing hutan, harimau kumbang, musang dan beberapa mamalia lain di sekitar pusat penginapan itu jika mereka keluar mengikuti pemandu pelancong pada waktu malam. Memancing juga dibenarkan di sesetengah kawasan, tetapi hanya menggunakan kail.

Satu lagi daya tarikan di lembah yang tenteram itu ialah satu kawasan perkuburan purba kaum Kadazan dusun di Bukit Keranda, 122 meter dari rumah penginapan itu.

Dengan keunikan yang ada padanya, sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah pusat pelancongan eksklusif, Lembah Danum tidak lama lagi akan menarik kunjungan orang-orang terkenal, khususnya pencinta alam. Bahkan, tidak lama lagi kaum bangsawan termasuk raja-raja dan putera-puteri mereka dan bintang-bintang filem dari Hollywood mungkin akan turut berkunjung ke situ untuk maksud saintifik, penggambaran filem atau semata-mata untuk berdampingan dengan alam semula jadi.

"Putera Phillip dari England mungkin berkunjung ke sini tahun depan dan mungkin pada masa depan kita juga akan menerima kunjungan Diana (bekas Puteri Wales)," kata Kinajil.

Seniwati Isabella Roselini juga berada di situ beberapa minggu lepas untuk persiapan penggambaran filem "Reflections of Eden" dan akan kembali semula Mac depan untuk penggambaran beberapa babak filem berkenaan yang memaparkan penghidupan Orang Utan, berdasarkan autobiografi bertajuk sama yang dihasilkan saintis Amerika Dr Birute Gildakas.

Lembah Danum diklasifikasikan kerajaan negeri sebagai Hutan Simpan Kelas satu pada Mei 1995, yang bermakna sebarang aktiviti komersial tidak dibenarkan di sekitar kawasan lembah seluas 43,800 hektar itu bagi melindungi kurniaan alam itu.

Untuk menambahkan keceriaan dan keseronokan ketika berkunjung ke lembah itu, jawatankuasa pengurusannya mengesyorkan agar pengunjung membawa bersama pencegah serangga tanpa semburan, jeket untuk berjalan malam, seluar panjang yang ringan, baju lengan panjang untuk dipakai di dalam hutan, topi matahari, kasut trek, baju hujan, lampu suluh, selipar dan stokin.

Lembah Danum yang dikunjungi 2,692 pelawat tahun lepas boleh didatangi mengikut jalan darat dari semua daerah di negeri ini. -- Bernama

KG